

Kebolehbacaan Teks Sastra Arab dalam Kalangan Pelajar Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM

Kod Projek : UKM-PTS-029-2009

^{1,2}Zamri Arifin (Ketua Projek), ^{1,2}Kaseh Abu Bakar & ¹Maheram Ahmad

¹Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

²Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

ABSTRAK

Kursus Kesusasteraan Arab merupakan antara kursus penting yang harus dipelajari oleh pelajar yang ingin mengambil jurusan bahasa Arab. Kandungan kursus ini meliputi pengajian sejarah perkembangan sastra Arab dan teksnya. Pelajar diberikan contoh teks sama ada teks puisi atau prosa untuk dianalisa dari sudut gaya bahasa, isi kandungan dan mesej yang disampaikan di samping mengenali penulis atau pengubahnya. Teks ini merupakan koleksi daripada pelbagai genre teks sastra Arab sama ada dalam bentuk puisi dan prosa. Ia juga merangkumi teks-teks sastra Arab yang dipilih dari pelbagai peringkat perkembangan sastra Arab itu sendiri, bermula dari zaman Jahiliyyah, Awal Islam, Umayyah, Abbasiyyah, Andalusiyah dan zaman moden. Melalui teks sastra Arab juga pelajar ditekankan untuk memahami tata bahasa Arab yang mereka pelajari. Justeru itu, pelajar di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam (JPATI), Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengikuti modul Bahasa dan Kesusasteraan perlu belajar teks ini. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam proses pembelajaran, teks bacaan merupakan merupakan satu elemen penting. Oleh itu, penyediaan bahan pengajaran yang sesuai dan mudah difahami perlu diberi perhatian. Konsep kebolehbacaan (*readability*) atau dalam bahasa Arab disebut *Maqra'iyah* perlu diterapkan dalam hal ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menyentuh tentang kebolehbacaan teks prosa Arab dalam kalangan pelajar modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab di JPATI, FPI, UKM. Kajian akan dilakukan kepada pelajar yang mengikuti dua kursus berikut iaitu kursus Sastra Arab Zaman Abbasiyah dan Sastra Arab di Andalus.

Pengenalan / Pernyataan Masalah

Menurut Burhanuddin (1998) kebolehbacaan lebih merujuk kepada aspek proses membaca iaitu pemahaman, kefasihan dan minat. Tay, Meng Guat (2005) pula menjelaskan kebolehbacaan (*readability*) ialah satu konsep yang berbeza dengan kebolehan membaca (*reading ability*).

Kebolehbacaan biasanya dikaitkan dengan satu bidang kajian dalam menentukan senang-sukar sesuatu teks bacaan. Menurut Jones (1993) kebolehbacaan sesuatu buku teks

merujuk kepada tahap senang-sukar kefahaman terhadap sesuatu bahan bacaan. Tumpuan utama kajian kebolehbacaan adalah berasaskan kepada masalah yang dihadapi oleh orang awam bagi memilih bahan bacaan yang sesuai untuk pembacaan mereka atau bagi memilih buku yang sesuai untuk pembacaan orang lain (Gilliand 1972). Pikulski (2002) dan Zhai Yujing (2003) menyatakan kebolehbacaan merupakan tahap senang atau sukar sesuatu teks yang hendak difahami oleh pembaca tertentu yang membaca teks tertentu bagi tujuan tertentu (Kamarulzaman Abdul Ghani et al. 2009). Dalam kajian ini, kebolehbacaan yang dimaksudkan adalah satu usaha menentukan tahap kesukaran bahan bacaan berbahasa Arab untuk mahasiswa yang mengambil jurusan bahasa Arab dan kesesuaiannya dengan pembaca sasaran.

Justeru, kajian ini bertujuan membentangkan satu kajian yang dilakukan bagi mengukur kebolehbacaan bahan-bahan bacaan berbahasa Arab dalam kalangan pembaca bukan Arab, khususnya para mahasiswa tahun 3 Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia. Fokus bahan bacaan dalam kajian ini adalah buku teks mata pelajaran Sastera Arab Zaman Abbasiyah dan Sastera Arab di Andalus yang digunakan dalam kuliah.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji faktor yang menyumbang kepada tahap kebolehbacaan sesuatu teks prosa Arab.
2. Menilai punca permasalahan pelajar dalam memahami teks prosa Arab dalam kursus Sastera Arab Zaman Abbasiyah dan Sastera Arab di Andalus.
3. Menyediakan maklumat sebagai panduan untuk menghasilkan bahan bacaan yang mengandungi teks prosa Arab yang mudah difahami oleh pelajar yang mengikuti modul Bahasa dan Kesusasteraan Arab di JPATI, UKM.
4. Mencadangkan kepada yang berkenaan supaya menyediakan silibus yang sesuai untuk teks prosa Arab kepada pelajar berpandukan hasil kajian ini.

METODE KAJIAN

1. **Prosedur Ujian Kloz:** Ujian ini akan menggunakan teks prosa pilihan dari kursus Sastera Arab Zaman Abbasiyah dan Sastera Arab di Andalus yang telah dikenalpasti secara rawak. Kemudian pengguguran perkataan dari teks yang diuji akan dibuat. Sementara teknik menjawab akan dijalankan dalam dua bentuk iaitu jawapan aneka pilihan dan jawapan bebas.
2. **Senarai semak pensyarah:** Satu set senarai semak bagi mendapat pandangan dan pertimbangan pensyarah kursus akan dibina bagi kebolehbacaan teks prosa dalam kedua-dua kursus terbabit.
3. **Soal selidik pelajar:** Satu soal selidik pelajar akan diedarkan kepada pelajar yang mengikuti kursus Sastera Arab Zaman Abbasiyah (yang ditawarkan pada semester I) dan kursus Sastera Arab di Andalus (yang ditawarkan pada semester II). Kebiasaannya jumlah pelajar yang mengikuti kedua-dua kursus sekitar 30 orang sahaja.

4. **Analisa linguistik:** Analisa linguistik dilakukan untuk mengenal pasti aspek linguistik yang mempengaruhi tahap kebolehbacaan teks prosa yang dipilih dalam ujian klot. Tumpuan analisa ialah kepada perkataan, struktur ayat dan kandungan teks.

KAJIAN LAMPAU / LITERATUR

Dalam pembelajaran bahasa kedua atau asing, pemilihan dan penggunaan buku teks yang sesuai dengan keperluan dan tahap pelajar perlu diambilkira. Oleh itu, salah satu kriteria yang perlu diteliti dalam penyediaan buku teks pembelajaran bahasa sebagai bahasa asing adalah kebolehbacaannya (Nuttal 1985). Klare (1969), Chall (1974) dan Khadijah Rohani (1982) menyatakan kajian kebolehbacaan dalam bahasa selain bahasa Inggeris amatlah kurang. Kebanyakan kajian kebolehbacaan dipelopori dan dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik di Amerika Syarikat berdasarkan teks berbahasa Inggeris dan juga penggunaan bahan berbahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing (Klare 1969)

Kajian Kitson (1921) telah mengenalpasti dua unsur iaitu jumlah sukukata dalam satu perkataan dan panjangnya ayat. Beliau mendapati peratusan perkataan yang melebihi dua suku kata panjang adalah 13.2 dalam Chicago Evening Post, 7.7 dalam Chicago American, 13.5 dalam majalah Century dan 9.9 dalam majalah American. Kitson tidak berminat mengukur kesukaran membaca sesuatu bahan, beliau tidak menghasilkan formula yang prediktif (Yaacob Ismail 1998).

Kajian oleh Lively dan Pressey (1923) berdasarkan andaian bahawa kesukaran perbendaharaan kata adalah faktor utama dalam menentukan kesukaran pemahaman untuk bahan bertulis. Mereka khuatir tentang pemilihan buku teks sains sekolah menengah rendah kerana buku-buku teks tersebut banyak perbendaharaan kata teknikal. Mereka berpendapat bahawa perlu ada cara untuk mengukur 'Beban Perbendaharaan Kata'. Oleh itu mereka mengesyorkan teknik untuk mengukur kesukaran perbendaharaan kata.

Lively dan Pressey telah menggunakan formula dengan andaian bahawa kesukaran perkataan adalah berhubung terus dengan frekuensi perkataan dengan perkataan yang paling kerap dalam bahasa Inggeris (Yaacob Ismail 1998).

Lorge (1944) telah menubuhkan satu formula kebolehbacaan. Lorge menggunakan tiga faktor dalam formulanya; iaitu hitung panjang bilangan perkataan dalam satu ayat, jumlah frasa dalam sendi nama dan jumlah perkataan yang susah yang tidak terdapat dalam senarai kata Dale yang berjumlah 769 perkataan (Yaacob Ismail 1998).

Flesch (1943) telah mengkaji teori linguistik dan kajian lain terhadap kebolehbacaan dan mendapati ada unsur-unsur lain yang mungkin penting dalam pembacaan orang dewasa seperti memerhatikan hubungan, lisan, logik, idea-idea dan makna. Flesch telah menemui penyelesaian dengan menghasilkan senarai 13,918 perkataan mujarab tetapi akhirnya menggugurkan perkataan mujarab.

Flesch juga mengambilkira kesemua perkataan yang merujuk kepada orang sama ada dengan nama atau perkataan-perkataan yang bermaksud orang. Flesch mengaggap minat manusia berperanan penting dalam daya penarik dan jenis-jenis perkataan yang dikelaskan sebagai rujukan peribadi (Yaacob Ismail 1998).

Di Malaysia, penggunaan formula kebolehbacaan sebagai alat mengukur sesebuah bahan bacaan masih agak asing khususnya kepada para penulis dan penerbit, malah dalam kalangan pendidik. Proses penghasilan buku-buku yang dijadikan teks pembelajaran di sekolah biasanya berdasarkan andaian khususnya dalam menentukan kesesuaiannya terhadap pelajar sasaran (Khadijah Rohani 1987). Terdapat beberapa kajian kebolehbacaan yang pernah dilakukan di pusat-pusat pengajian tinggi dalam bidang-bidang tertentu sama ada melibatkan teks berbahasa Melayu atau Inggeris, namun belum lagi menjadi salah satu petunjuk yang dijadikan panduan dalam menentukan aras bahan bacaan yang bakal dihasilkan. Apatah lagi dalam penghasilan buku yang berorientasikan bahasa Arab yang dikategorikan sebagai bahasa asing (Kamarulzaman Abdul Ghani et al. 2009).

Tinjauan terhadap kajian terdahulu menemukan beberapa kritikan terhadap penggunaan teks sastera Arab dalam buku teks. Ishak (1993) menyatakan antara punca permasalahan pembelajaran dan pengajaran teks bahasa Arab di Malaysia adalah berpunca daripada penggunaan buku teks yang tidak diisi dengan bahan pengajaran yang sesuai. Azhar (2007) secara jelas mendapati bahawa contoh-contoh teks sastera Arab antaranya puisi Arab klasik yang terdapat dalam buku teks agak sukar difahami. Dapatan daripada dua kajian di atas menunjukkan bahawa terdapat masalah dalam penggunaan teks prosa Arab sebagai bahan pengajaran.

PENCAPAIAN PROJEK (OUTPUT)

Penerbitan (Prosiding)

1. Zamri Arifin, Zulazhan Ab. Halim & Kaseh Abu Bakar. 2009. Ujian klox dan hubungannya dengan kebolehbacaan buku teks bahasa Arab. *Prosiding Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Kedua*, hlm. 297-311.
2. Zamri Arifin, Zulazhan Ab. Halim, Kaseh Abu Bakar & Abdul Wahid Salleh. 2010. Kebolehbacaan buku teks balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Satu kajian rintis. *Prosiding Seminar Antarabangsa Bahasa Arab*, hlm. 29-42.

Persidangan / Seminar / Bengkel

1. Zamri Arifin, Maheram Ahmad, Kaseh Abu Bakar & Zulazhan Ab. Halim. 2009. Kebolehbacaan Bacaan Teks Sastera Dalam Kalangan Pelajar JPATI, FPI, UKM. Kertas Kerja Kongres Pengajaran dan Pembelajaran. Anjuran Pusat Perkembangan Akademik, UKM pada 14-16 Disember 2009 di Awana Porto Malai, Langkawi.
2. Zulazhan Ab. Halim. 2009. Penggunaan ujian klox sebagai alat ukur kebolehbacaan bahan bacaan bahasa arab. Kertas kerja Bengkel Siswazah ISDEV IV (INGRAW 09). Anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, dan Institut Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 18-19 Ogos.
3. Zamri Arifin, Zulazhan Ab. Halim & Kaseh Abu Bakar. 2009. Ujian klox dan hubungannya dengan kebolehbacaan buku teks bahasa Arab. Kertas kerja Nadwah Bahasa dan Kesusasteraan Arab Kedua. Anjuran Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, 10-11 Oktober.

4. Zamri Arifin, Zulazhan Ab. Halim, Kaseh Abu Bakar & Abdul Wahid Salleh. 2010. Kebolehbacaan buku teks balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM): Satu kajian rintis. Seminar Antarabangsa Bahasa Arab di Jakarta, Indonesia. Anjuran Universiti al-Azhar Indonesia dan Organisasi Profesi Pengajar Bahasa Arab Indonesia. 22-24 Julai.

Modal Insan

1. Pelajar Ph.D.: Zulazhan Ab. Halim (P40418), Tajuk Tesis: Kebolehbacaan Buku Balaghah Sijil Tinggi Agama Malaysia di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri.
2. Pelajar Sarjanamuda: Nurul Masyitah Mohd. Sham (A121259), Tajuk Tesis: Tahap Kebolehbacaan Teks Sastra Arab Di Andalus: Kajian Kepada Mahasiswa Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, FPI, UKM Sesi 2009/2010
3. Pembantu Penyelidik: Zulazhan Ab. Halim (P40418)

PERBELANJAAN

:: Maklumat Kewangan Penyelidikan

[\[Kembali ke atas \]](#)

Kod Penyelidikan : UKM-PTS-029-2009
Sehingga Tarikh : 20/03/2012

VOTE	Agihan	Tambah / Kurang	Viremen	Peruntukan Terlaras	Komitmen	Belanja	Baki
2011	Disember						
V26000	Research Materials & supplies	0.00	0.00	0.00	0.00	53.80	-53.80
Jumlah Bagi Tahun : 2011		0.00	0.00	0.00	0.00	53.80	-53.80
2010	Disember						
V11000	Wages and Allowances for Temporary & Contract Personnel	0.00	0.00	0.00	0.00	3,660.00	-3,660.00
V21000	Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	1,255.00	-1,255.00
V26000	Research Materials & supplies	0.00	0.00	0.00	0.00	779.70	-779.70
V29000	Special Services	0.00	0.00	0.00	0.00	1,730.00	-1,730.00
Jumlah Bagi Tahun : 2010		0.00	0.00	0.00	0.00	7,424.70	-7,424.70
2009	Disember						
V00000	Miscellaneous	12,000.00	0.00	0.00	12,000.00	0.00	12,000.00
V21000	Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	778.00	-778.00
V26000	Research Materials & supplies	0.00	0.00	0.00	0.00	3,743.50	-3,743.50
Jumlah Bagi Tahun : 2009		12,000.00	0.00	0.00	12,000.00	4,521.50	7,478.50
Jumlah Keseluruhan :		12,000.00	0.00	0.00	12,000.00	12,000.00	0.00